

BANGUNAN KWSP TERBAKAR

NUR FARIANA ABDUL MANAN, NORAZHAN MD GHAZALI DAN MOHAM SAFFWAN FADZIL FOTO: ROSLI TALIB

'Tak sangka benar-benar terbakar'

Bomba sahkan punca kejadian akibat percikan api yang terkena GFRC

PETALINGJAYA - "Saya ingat hanya latihan kebakaran, jadi semua yang berada di tingkat bawah keluar bangunan dengan berjalan macam biasa. Tak sangka bila berada di luar bangunan api dah marak hingga ke tingkat atas," kata Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Kerja (KWSP), di Jalan Gasing, Bukit Gasing, di sini, P Saraswathy menceritakan kejadian kebakaran yang berlaku di bangunan enam tingkat agensi itu, semalam.

Menurutnya, kejadian berlaku ketika kakitangan KWSP sibuk berurusan dengan ahli dan pengunjung agensi itu di aras bawah bangunan tersebut.

"Mula-mula kita tak tahu apa yang berlaku, sebaik dapat amaran panggilan kebakaran, semua kakitangan dan ahli KWSP keluar dari bangunan.

"Kami keluar dari bangunan, jalan macam biasa sebab ingat ia hanya latihan kebakaran...tak sangka kebakaran benar-benar berlaku dan api besar sekali," katanya memberitahu tahun lalu hampir tiga kali latihan kebakaran dilaksanakan pihak pengurusan di bangunan tersebut.

Katanya, ketika kejadian



terdapat kira-kira 20 pengunjung berada di bahagian dalam di tingkat bawah bangunan tersebut.

"Nasib tak ada kemalangan jiwa, semuanya dapat keluar dengan selamat," katanya.

Tak bawa beg terus keluar selamatkan diri

Sementara itu, Pegawai kerani KWSP, Nor Liyana Ramli berkata, kejadian berlaku kira-kira jam 11.30 pagi menyebabkan sebahagian kakitangan panik seketika.

Menurutnya, dia tidak mendengar apa-apa bunyi ketika berada di aras bawah, namun apabila diarahkan keluar, semua yang berada dalam bangunan mengikut arahan seperti biasa.

"Tiba-tiba saja asap penuh dalam bangunan, waktu tu panik juga sebab ada yang tertinggal beg dan sebagainya... tapi sebab fikir nyawa, kami keluar dulu.

"Bila berada di luar bangunan barulah dengar dua kali bunyi letupan, asap penuh dalam bangunan dan saya nampak kereta yang diletakkan di bawah meletup... memang rasa cuak sangat masa tu sebab tak sangka benda ni berlaku," katanya.

Bagaimanapun katanya, dia lega apabila dimaklumkan kesemua kakitangan dan pengunjung terselamat.

"Alhamdulillah kejadian dapat dikawal, semua dapat keluar dengan selamat dan ia disahkan menerusi kedatangan diambil," katanya.



Percikan api terkena panel tingkap

Dalam perkembangan lain, percikan api ketika kerja pengubahsuaian di tingkat empat yang terkena *glass fiber reinforced concrete* (GFRC) jenis polisterin disahkan sebagai punca berlakunya kebakaran di bangunan KWSP, di sini, semalam.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamatan Malaysia, Datuk Soiman Jahid berkata, GFRC jenis polisterin adalah bahan yang mudah terbakar yang dipasang pada bahagian luar bangunan berkenaan.

"Kebakaran itu menyebabkan api kemudiannya merebak ke tingkat-tingkat lain di luar bangunan setinggi enam tingkat itu.

"Api merebak dengan cepat ekoran bahan berkenaan adalah jenis mudah terbakar, ditambah lagi dengan keadaan cuaca yang panas, kering dan berangin," katanya.

Katanya, kebakaran yang berlaku bagaimanapun hanya melibatkan bahagian luar

bangunan KWSP.

"Kejadian itu turut menjejaskan bilik di tingkat enam yang menempatkan fail dan dokumen.

"Bagaimanapun saya dimaklumkan fail-fail berkenaan bukan fail rasmi, sebaliknya hanya fail-fail biasa," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kebakaran bangunan yang melibatkan GFRC jenis polisterin adalah yang pertama direkodkan berlaku

di negara ini.

"Pemasangan GFRC jenis material tersebut adalah satu kesalah dan ia didapati melanggar Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

"Melalui Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 ini, kita sudah gariskan bahawa setiap elemen-elemen struktur bangunan adalah minimum *class O* yang tidak mudah terbakar," katanya.

Semua panik, situasi kelim kabut

"SEMUA panik dan terus berlari ke tangga untuk keluar selamatkan diri," kata Setiausaha Agung Persatuan Pesara KWSP, Ismail Abdullah, 70 kepada Sinar Harian ketika ditemui, semalam.

Ismail yang bekerja di tingkat empat bangunan itu memberitahu, pada mulanya dia menyangka hanya kebakaran kecil ditambah lagi penggera tidak berbunyi.

"Ingatkan kebakaran biasa saja...Keadaan memang kelim kabut sebab semua dah panik.

"Kami semua terus lari ke tangga untuk keluar ke kawasan lapang. Ketika turun, nampak percikan api di luar bangunan di tingkat tiga," katanya.

Menurutnya, dia dan kakitangan lain keluar dengan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.



• PENGARAH URUSAN KUMPULAN/CEO/PENERBIT: DATU' (DR) HUSSAMUDDIN HU YAACUB • KETUA PEGAWAI OPERASI KUMPULAN: SYAMIL FAHIM MOHD FANIM • KETUA PEGAWAI KEWANGAN: AKMAL EIRFAN MOHD FAUZI
• PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL: DATUK ABD JALIL ALI • KETUA PENGARANG KUMPULAN: NORDEN MOHAMED • PENGARANG BERITA: AZMI TARMIZI
• TIMBALAN PENGARANG BERITA: FARUSH KHAN • PENOLONG PENGARANG BERITA: ONG BOON TECK • PENGURUS BESAR PENGEDARAN & JUALAN: HASLI MAT SOH

EDITOR EDISI NASIONAL: KHAIRUL AMRI YASIN • EDISI SELANGOR/KL: MOHD HANAFIAH HASHIM • EDISI KELANTAN: WAN SURYANA TON MOHAMAD • EDISI PAHANG: ZAILA ALI • EDISI TERENGGANU: ZULKHAIRIL ZAINUDDIN
• EDISI UTARA: BADRULDIN ZAKARIA • EDISI PERAK: WAN NOR ROSIDA HAMAD • EDISI JOHOR: AZWANI GHANI • EDISI MELAKANG: AHMAD SYAHRUL DERAUH • PENGARANG SENI: ZAINUDDIN HARON

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jin Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 03-51013601 • Dicitak oleh Ultimate Print Sdn Bhd., Lot 2, Jin Sepena 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Tel: 03-51017480 (Unit Langgaman Karangkraf Mail) • E-mel: editorsh@sinarharian.com.my